

## BAB 5

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### **5.0 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan kesimpulan daripada analisis data. Selain itu beberapa cadangan juga akan diberikan untuk meningkatkan tahap penggunaan komputer dalam pendidikan di sekolah.

#### **5.1 Kesimpulan**

##### **5.1.1 Mengapa program literasi di kenalkan**

Secara amnya program literasi diperkenalkan sebagai satu aspek penting dalam bidang pendidikan. Walaupun begitu ia juga digunakan sebagai satu aspek untuk ‘menjual’ sekolah kepada masyarakat luar. Walaupun begitu aspek utama yang menyebabkan program literasi komputer diperkenalkan ialah kerana polisi syarikat yang ingin memberikan pendidikan yang berkualiti.

##### **5.1.2 Faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan literasi komputer**

Kajian menunjukkan kebanyakan sampel kajian melihat kewangan dan kekurangan perisian. Faktor lain ialah tiada guru yang berminat, gangguan letrik, bebanan kerja yang banyak untuk guru, tiada perancangan rapi dan tekanan ibubapa yang ingin program literasi ditukar sebagai faktor penghalang yang menghalang pelaksanaan program literasi komputer. Wujud juga perbezaan dalam pemilihan faktor-faktor yang menjadi penghalang pelaksanaan program literasi komputer. Wujud berbezaan antara pihak pengurusan dengan pihak sekolah. Nampaknya latarbelakang pekerjaan dan tanggungjawab semasa mempengaruhi

dalam pemilihan. Kajian juga menunjukkan faktor-faktor yang menjadi penghalang dalam pelaksanaan adalah tidak begitu berbeza dengan dapatan kajian di sekolah kerajaan. Dalam aspek kajian berkaitan insentif yang dianggap perlu didapati bahawa tidak ada keseragaman dalam pemilihan. Golongan pengurusan banyak memilih insentif yang berkaitan kepentingan syarikat manakala pengetua pula lebih kepada pemilihan yang menyeluruh. Guru pula membuat pemilihan insentif yang lebih kearah meningkatkan keupayaan peralatan dan kemahiran.

#### **5.1.3 Perancangan dan pelaksanaan**

Walaupun perancangan dilakukan dalam melaksanakan program literasi komputer, namun perancangan ini adalah dibuat untuk jangkamasa yang pendek. Perancangan yang dilakukan melibatkan hanya pihak pengurusan sahaja dan tidak melibatkan guru yang merupakan pelaksana program literasi komputer. Perancangan juga tidak melibatkan golongan yang pakar berkaitan dengan komputer dalam pendidikan.

#### **5.1.4 Masalah-masalah**

Kebanyakan masalah yang wujud ialah seperti ketiadaan kepakaran, makmal yang tidak luas, kurikulum yang tidak lengkap, penjadualan, masalah gangguan letrik, kewangan.

#### **5.1.5 Cara Mengatasi Masalah**

Cara mengatasi masalah ialah menambahkan pelaburan, membawa kepakaran luar, tubuhkan jawatankuasa IT, dan membuat perancangan yang lebih rapi.

## **5.2 Cadangan - Cadangan**

Pihak sekolah harus membina tiga bilik makmal dan bukannya dua. Makmal ketiga seharusnya adalah yang lengkap dengan peralatan multi media. Dua makmal boleh berfungsi untuk tujuan mempelajari kemahiran literasi komputer manakala makmal ketiga membolehkan pelajar menggunakananya untuk penghasilan perisian-perisian yang dihasilkan oleh mereka sendiri. Makmal ini seharusnya berfungsi untuk mendedahkan pelajar kepada bidang yang lebih teknikal seperti penciptaan perisian baru.

Memandangkan sekolah ini sebuah sekolah swasta ia seharusnya mengambil lebih inisiatif dalam usaha mengintergrasikan komputer dengan matapelajaran lain sebagai satu aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Banyak kajian di luar negara menunjukkan kejayaan pengintergrasian komputer dengan matapelajaran lain serta keberkesanannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sekolah harus membuat jadual dan memberi peluang kepada guru subjek agar mencuba mengintergrasikan matapelajaran mereka dengan teknologi komputer. Guru subjek juga perlu diberi latihan skil komputer agar mereka juga akan memainkan peranan dalam usaha mengintergrasikan komputer dalam pelajaran mereka. Sekolah seharusnya menambahkan peralatan komputer terutamanya di bilik guru, perpustakaan dan di makmal sains. Perpustakaan atau bilik sumber harus dilengkapi dengan kemudahan komputer yang boleh di akses dengan ‘internet’. serta penggunaannya kepada pelajar digalakkan.

Sekolah seharusnya menggunakan kepakaran terutamanya dari ibubapa dan membentuk jawatankuasa IT sekolah agar dapat membuat perancangan untuk mempertingkatkan pelaksanaan pendidikan komputer di sekolah. Pihak sekolah

atau syarikat haruslah berusaha mendapatkan kerjasama dengan pusat pengajian tinggi tempatan untuk mendapatkan nasihat tenaga kepakaran terutamanya dalam bidang pendidikan komputer agar pelaksanaan dapat dilakukan dengan lebih lancar. Pihak sekolah haruslah menggalakkan penggunaan teknologi maklumat sebagai satu aspek penting terutamanya dengan ibubapa atau pelajar melalui E-Mail. Pejabat sekolah seharusnya dilengkarkan dengan sebuah komputer yang disambungkan dengan Internet agar maklumat tentang sekolah mudah diperolehi oleh sesiapa sahaja.

Peranan persatuan NAPIE dalam menggalakkan pengenalan IT di sekolah harus ditingkatkan. Kerjasama antara sekolah swasta harus ditingkatkan terutamanya dalam aspek perkongsian maklumat tentang kepakaran atau teknologi. Persatuan ini harus menggalakkan pembentukan jawatankuasa IT pusat yang bertanggungjawab menasihati sekolah swasta dalam meningkatkan penggunaan komputer di sekolah.

Pihak kerajaan juga harus menyokong usaha sekolah swasta dalam mengenalkan pendidikan komputer. Sokongan boleh diberikan melalui sumbangan tenaga kepakaran kepada sekolah melalui latihan-latihan dan perkongsian maklumat. Disamping itu insentif yang sesuai harus diberikan kepada sekolah yang melaksanakan program pendidikan komputer.

Sekolah harus juga bekerjasama dengan pihak swasta lain terutama institusi swasta yang menawarkan kursus-kursus komputer. Kursus seperti ini boleh diadakan di sekolah agar pelajar yang mahir dapat meningkatkan tahap kemahiran mereka terutamanya berkaitan dengan bidang seperti penghasilan

perisian dan penghasilan bahan multi media. Kepakaran dalam mencipta perisian harus didedahkan lebih awal agar muncul pakar-pakar pada masa hadapan yang boleh memberi sumbangan kepada masyarakat. Syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam projek MSC (Multi Media Super Corridor) seharusnya digalakkan melibatkan diri dengan sekolah yang dirasakan boleh bekerjasama dalam melahirkan tenaga mahir dalam bidang IT. Kerjasama bukan sahaja melibatkan sekolah kerajaan tetapi juga sekolah swasta.

### **5.3 Kajian Lanjut**

Kajian ini dirasakan tidak lengkap kerana sekolah ini hanya berusia setahun lebih. Tidak ada banyak masalah yang dihadapi oleh sekolah pada masa ini. Disamping itu bilangan populasi pelajar yang rendah menyebabkan pihak sekolah tidak melaksanakan program komputer dalam pendidikan secara bersungguh - sungguh. Maka adalah diharapkan kajian-kajian dibuat terhadap sekolah swasta lain yang telah lama menjalankan program komputer dalam pendidikan.

Kajian juga harus dilakukan terutama terhadap program komputer yang dilaksanakan di peringkat tadika. Apakah kesannya terhadap sikap dan kepercayaan diri dikalangan kanak-kanak sekolah tadika. Kajian juga perlu dilakukan untuk melihat kejayaan kurikulum lain yang digunakan oleh pihak swasta lain. Adakah kurikulum lain membawa kejayaan dalam usaha melahirkan pelajar yang celik komputer. Kajian juga harus dilakukan terhadap struktur kurikulum serta teori pendidikan yang dijadikan panduan dalam menghasilkan program ‘Futurekids’ yang digunakan di sekolah ini.

#### **5.4 RUMUSAN**

Kajian ini telah berusaha mendedahkan faktor yang mempengaruhi pelaksanaan program literasi komputer di sebuah sekolah swasta. Adalah diharapkan kajian ini dijadikan sebagai panduan untuk perancangan yang seterusnya oleh pihak sekolah pada masa akan datang.